

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 07/08/2022
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my
Tajuk : 3,000 Koperasi Coopmart Disasar Guna Platform Digital

3,000 Koperasi Coopmart Disasar Guna Platform Digital



ABDUL FATTAH Abdullah (tengah) menunjukkan produk yang dijual di kedai Koperasi Al Furqan Paya Pulai di Temerloh, Pahang.

- 07 Ogos 2022 @ 2:40 pm

TEMERLOH: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. ([Angkasa](#)) mensasarkan 3,000 kedai koperasi Coopmart menggunakan platform digital sehingga akhir tahun ini dalam urusan niaga dijalankan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, platform digital dalam pemborongan dan peruncitan mampu meningkatkan kecekapan sekali gus menghakis peranan orang tengah.

Menurutnya, sehingga kini, 700 koperasi aktif menggunakan platform digital, 1,300 berdaftar manakala 1,000 lagi dijangka berbuat demikian sebelum hujung tahun ini.

Tegas beliau, aktiviti urusan niaga keusahawanan menggunakan kaedah moden secara dalam talian berbanding tradisional dapat menjimatkan kos dan meningkatkan keuntungan kerana dikategorikan sebagai sifar kos pemasaran.

"Angkasa bersedia menjadi penggerak aktif menjenamakan 3,000 kedai koperasi ini sebagai Coopmart anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

“Sebagai penyelaras, Angkasa sedia berbincang dengan pemborong bagi mendapatkan tawaran harga barang berpatutan. Nilai barangan RM10,000 sebagai pusingan kredit dibayar terus kepada pemborong,” katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja ke kedai runcit Koperasi Al Furqan Kampung Paya Pulai di sini hari ini.

Abdul Fattah dalam pada itu berkata, premis kedai koperasi ini sebelum ini menjayakan program Barang Asas 100 (BA 100) anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta Angkasa yang diluluskan Jemaah Menteri pada 29 Ogos 2019.

Tambah beliau, bagi meningkatkan nilai tambah, produk keluaran koperasi akan diletakkan pelekat label logo Angkasa di samping logo halal, Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan lain-lain bertaraf antarabangsa.

“Penjenamaan produk yang dijual di premis Coopmart akan meningkatkan keyakinan pengguna sedia ada dan pengguna baharu yang yakin dengan produk dijual. Kualiti barangan akan menjadi pemangkin kepada peningkatan perolehan koperasi sekali gus potensi dividen lebih tinggi kepada ahli,” katanya.